

Perlembagaan MCA: 2,800 wakil dijangka lulus pindaan

KUALA LUMPUR 90

Sebanyak 2,800 perwakilan MCA dijangka meluluskan pindaan perlembagaan parti itu bagi membolehkan pelaksanaan cadangan menghadkan tempoh memegang jawatan presiden kepada hanya tiga penggal.

Sekiranya cadangan itu berjaya mendapat persetujuan sekurang-kurangnya dua pertiga jumlah perwakilan, MCA akan mencatat sejarah menjadi parti komponen Barisan Nasional (BN) pertama berbuat demikian.

Mengulas perkara itu, Timbalan Presiden MCA, Datuk Chan Kong Choy berkata, beliau yakin perwakilan akan memberi sokongan kepada usul tersebut.

"Usul ini telah dibahas dan dibincangkan pada konvensyen (MCA) negeri dan mendapat sokongan sebulat suara.

"Saya yakin perwakilan akan memberi sokongan kepada usul yang sama," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda MCA-ke 40 di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Pengerusi Pemuda BN, Datuk Hishammuddin Tun Hus-

sem dan Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat.

Beliau mengulas mengenai cadangan menghadkan tempoh jawatan Presiden, Ketua Pemuda dan Ketua Wanita MCA yang akan dibentangkan pada Perhimpunan Agung MCA Ke-50 esok.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN akan merasmikan perhimpunan tersebut.

Satu lagi usul yang akan dibawa esok ialah menyokong kepemimpinan kedua-dua pemimpin yang baru mengambil alih jawatan iaitu Datuk Seri Ong Ka Ting dan Kong Choy.

Ketika diminta mengulas sama ada pelaksanaan menghadkan tempoh memegang jawatan presiden kepada maksimum tiga penggal atau sembilan tahun itu mampu menyelesaikan masalah dalaman parti, Kong Choy berkata, ia bukan penyelesaian mutlak kepada masalah tersebut.

"Kita melihat kepada perkara yang lebih besar iaitu untuk memastikan peralihan kuasa atau kepimpinan berjalan dengan licin," tegasnya.

Sementara itu, Biro Pen-

didikan Pemuda MCA telah diarah supaya mengkaji dan seterusnya mencari jalan penyelesaian berhubung isu keciciran 30 peratus pelajar Cina yang gagal meneruskan persekolahan di peringkat sekolah menengah.

Sehubungan itu katanya, satu jawatankuasa khas perlu segera diwujudkan bagi mencari jalan menyelesaikan masalah itu yang dianggap telah berada pada tahap serius

Terdahulu dalam ucapannya, Kong Choy yang juga Menteri Pengangkutan menyifatkan tarikh 23 Mei 2003 sebagai bersejarah kerana ubat ajaib dapat ditemui pada hari berkenaan yang digunakan untuk merawat masalah dalam parti itu.

Pada 23 Mei lalu Ka Ting dan beliau dipilih oleh Jawatankuasa Pusat (CC) parti untuk mengambil alih jawatan presiden dan timbalan presiden menggantikan Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik dan Datuk Seri Lim Ah Lek yang meletakkan jawatan pada hari yang sama.